

KAJIAN TAHAP PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP LATIHAN KEMAHIRAN DI MALAYSIA 2012

ABSTRAK

Negara memerlukan 33% tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2015 dan 50% menjelang 2020 bagi merealisasikan status negara maju (EPU, 2011). Jumlah pekerja mahir masih lagi tidak mencukupi untuk menampung keperluan bagi menuju sebuah negara maju. Langkah untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir perlu dilaksanakan bagi memastikan matlamat negara tercapai. Selaras dengan usaha mentransformasikan pendidikan kemahiran oleh kerajaan baru-baru ini, maka satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti status penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran dan masalah-masalah berkaitan dengannya. Secara khususnya, kajian ini bertujuan: i) mengenalpasti faktor-faktor kritikal (imej dan kebanggaan kerja, gaji dan faedah sampingan, kebolehpekerjaan, prospek kerjaya, dan jaminan kerja dan kerjaya lulusan latihan kemahiran) yang mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran; ii) mengenalpasti tahap penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran sebagai pilihan untuk peningkatan kelayakan individu bagi persiapan kebolehpekerjaan; dan iii) mencadangkan pelan tindakan pelaksanaan bagi meningkatkan tahap penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh daripada 1624 responden ($n_{ibubapa}=727$; $n_{pelajar}=897$) yang dipilih secara rawak yang merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia merentasi kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Kaedah survei menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan oleh pasukan perunding telah dilaksanakan untuk kumpulan responden ini termasuk 65 majikan. Manakala data kualitatif diperoleh daripada informan lewat berjaya (late bloomers) menerusi teknik temu bual mendalam dan informan ibu bapa Orang Asli menerusi teknik kumpulan perbincangan berfokus (3 kumpulan). Secara umumnya, hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan pelajar dan ibu bapa terhadap bidang latihan kemahiran masih lagi rendah. Perbandingan tahap penerimaan terhadap latihan kemahiran antara kaum bagi kedua-dua kategori responden, pelajar dan ibu bapa juga menunjukkan tidak dapat perbezaan yang ketara. Hasil analisis menunjukkan imej dan kebanggaan kerja adalah faktor yang terpenting untuk menerangkan penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran bagi responden pelajar dan responden ibu bapa. Kesemua faktor kritikal didapati menyumbang kepada penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran. Kajian menunjukkan kaum Melayu dan India memberi kepentingan yang lebih tinggi terhadap faktor kritikal berbanding dengan responden kaum Cina dan responden kaum Orang Asli. Namun demikian, bagi informan lewat berjaya (late bloomers), mereka berpandangan positif dan berkeyakinan terhadap bidang latihan kemahiran dari aspek gaji dan faedah sampingan, jaminan dan masa depan kerjaya serta kebolehpekerjaan, selain daripada berani mengambil risiko dan berdaya saing. Kajian mencadangkan kepentingan meningkatkan pengetahuan umum masyarakat mengenai latihan kemahiran terutamanya yang menyentuh lima faktor kritikal. Ini boleh dilakukan menerusi strategi kempen media massa, kaedah pengajaran dan pembelajaran kumpulan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran individu. Ketiga-tiga strategi yang dicadangkan ini dijangkakan dapat memberi kesedaran, memupuk minat dan seterusnya menilai dan mencuba latihan kemahiran dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Jika pandangan, sikap dan pengetahuan terhadap kelima-lima faktor ini boleh berubah kepada yang lebih positif menerusi strategi di atas, maka tahap penerimaan masyarakat terhadap latihan kemahiran dijangka akan lebih tinggi.

Kata kunci: Imej Dan Kebanggaan Kerja, Kebolehkerjaan, Pembelajaran Individu Dan Lewat Berjaya.